

Operasi antisampah DBKL keluar 12 kompaun

Kuala Lumpur: Sebanyak 12 kompaun dikeluarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam Operasi Anti-Litter (antisampah) terhadap premis perniagaan yang beroperasi di sekitar kawasan Desa Sri Hartamas di sini.

DBKL dalam kenyataannya berkata, lapan petugas Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) DBKL terbabit dalam operasi, pada Ahad lalu.

“Matlamat operasi adalah memastikan pemilik premis serta orang awam menjaga kebersihan persekitaran, tidak meletakkan halangan di atas siar kaki dan longkang. Ini bagi memastikan tidak menghalang kerja pembersihan dilaksanakan dan membuang sampah merata-rata,” katanya.

DBKL berkata, hasil pemeriksaan, 12 kompaun dikeluarkan terhadap pelbagai kesalahan.

“Antara yang diambil tindakan termasuk lima kompaun mengikut Seksyen 46(1)(d), satu kompaun mengikut Seksyen 47(1)(d) dan enam kompaun turut dikeluarkan mengikut Seksyen 47(1)(a),” katanya.